

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERIDR SITI HASMAH BINTI HAJIMOHD ALI  
DI HARI PENANAMAN POKOK ALAF BAKU  
DI KOMPLEKS PENYAYANG BAKTI, SUNGAIBULOH  
PADA HARI AHAD, 15 OKTOBER 2000  
JAM 8.00 PAGI

-----

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, (BAKTI, Jabatan Landskap Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya) kerana menjemput saya ke Majlis Penanaman Pokok Alaf Bam dan seterusnya merasmikan majlis ini di Komplek Penyayang BAKTI Sungai Buloh. BAKTI mengalu-alukan kerjasama yang erat di antara pihak Kerajaan dan badan sukarela demi kemajuan negara. Seperti masa-masa yang dahulu BAKTI akan sentiasa memberikan sumbangan tenaga dan usaha dalam kerja-kerja kebajikan dan sukarela untuk segenap lapisan masyarakat.

2. Program Penanaman Pokok Alaf Baru atau 'Millenium Planting' merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang pentingnya menjaga alam sekitar melalui pemeliharaan dan penanaman pokok. Program ini merupakan lanjutan daripada Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang telah dilancarkan pada 3 Mac 1997. Semasa pelancaran kempen yang lalu Kerajaan telah menetapkan sasaran 3 juta pokok ditanam sehingga tahun 2000 dan 20 juta pokok menjelang tahun 2020. Program Penanaman Pokok Alaf Baru akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri di Taman Bukit Mil secara serentak ke seluruh negara pada hari ini dimana sebanyak 100,000 pokok akan ditanam dalam masa 1 minit untuk mencipta rekod jumlah pokok yang terbanyak ditanam secara serentak.

3. Usaha untuk memecahkan rekod dunia dengan menanam 100,000 pokok dalam masa 1 minit merupakan salah satu usaha untuk meletakkan Malaysia di peta dunia dengan kenyataan bahawa kita mampu untuk menghijaukan bumi di samping memberi sumbangan kepada bekalan oksigen kepada penduduk dunia. Dalam hal ini sejumlah 100 pokok akan

ditanam di Komplek Penyayang BAKTI sebagai membuktikan komitmen ahli-ahli BAKTI mengindahkan negara dan menyokong usaha Kerajaan mengekalkan 50 peratus daripada bumi Malaysia dengan kehijauan semulajadi.

4. Dalam usaha kita menghijaukan persekitaran, penglibatan semua ahli masyarakat adalah penting. Tuan-tuan dan puan-puan boleh mainkan peranan dengan menganjurkan aktiviti yang sama bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan dan penanaman pokok. Kesedaran ini dapat ditingkatkan di peringkat kanak-kanak sekolah, para remaja dan juga di kalangan orang dewasa.

5. Rumah Penyayang BAKTI dibina khas untuk wanita-wanita yang memerlukan bantuan dan perlindungan seperti ibu-ibu tunggal, orang tua dan anak-anak yatim yang tiada keluarga. Oleh yang demikian persekitaran rumah Penyayang BAKTI juga perlu dilandskap dan ditanam dengan pokok-pokok supaya dapat menceria dan menyejukkan persekitaran kawasan di samping memberi kesan therapeutic kepada penghuni-penghuninya. Suasana ini akan dapat meringankan beban dan tekanan kepada penghuni-penghuni di sini.

6. Bertepatan dengan pengiktirafan Kerajaan terhadap penglibatan wanita di dalam tadbir urus bandar, penglibatan ahli-ahli BAKTI di dalam usaha meningkatkan kualiti penghidupan di bandar perlu dipertingkatkan. Usaha penanaman pokok merupakan salah satu langkah memperbaiki kualiti alam sekitar bandar. Selain daripada memberi teduhan, penanaman pokok dengan kuantiti yang banyak akan dapat merendahkan suhu persekitaran di samping meningkatkan kualiti pandangan estetik sesuatu tempat dan memberi keselesaan.

7. Persekitaran yang indah dan selesa juga telah menjadi satu komponen penting untuk menarik pelancong ke negara ini yang akan secara tidak langsung mengukuhkan ekonomi negara dan akan memberi kesejahteraan kepada rakyat keseluruhannya.

8. Justeru itu saya menyeru supaya semua yang hadir dapat menghayati kepentingan pemeliharaan dan penanaman pokok serta berasaha memanjangkan usaha ini kepada semua lapisan masyarakat.

9. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan mempunyai hasrat untuk menjadikan Malaysia negara taman menjelang tahun 2005. Negara Taman adalah sinonim dengan usaha untuk membangunkan sebuah negara yang mempunyai pembangunan yang seimbang di mana kehijauan, taman dan pokok-pokok menjadi komponen utama dalam semua pembangunan fizikal.

10. Kejayaan program Penanaman Pokok Alaf Baru bergantung kepada sokongan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan usaha murni ini seharusnya dijalankan sepanjang masa dan tidak di waktu perasmian atau keramaian sahaja.

11. Akhir kata saya berdoa agar usaha Penanaman Pokok Alaf Baru mendapat kejayaan dan Insya-Allah kita akan berjaya memecah rekod dunia dengan menanam 100,000 pokok dalam masa satu minit. Kejayaan ini akan mencatat sejarah untuk generasi akan datang.

12. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penanaman Pokok Alaf Baru di Kompleks Penyayang Bakti.

\*\*\*\*